

Dr Mahathir tokoh berpengaruh dunia

➔ Negarawan ulung terus lantang, konsisten perjuangkan isu dunia

Oleh Nurul Afida Kamaludin

✦ Kuala Lumpur

Dalam setahun kepemimpinannya sebagai Perdana Menteri ketujuh, Tun Dr Mahathir Mohamad menerima pengiktirafan global apabila dinamakan sebagai tokoh berpengaruh dunia.

Pada awal Januari lalu, beliau diiktiraf Lelaki Muslim Paling Berpengaruh Dunia bagi 2019 oleh penerbitan *The Muslim 500*, sekali gus mengetuai senarai 500 lelaki Islam paling berpengaruh dunia.

Pada April, Dr Mahathir disenaraikan antara 100 individu paling berpengaruh di dunia pada 2019 oleh majalah berita antarabangsa, *Time* dan awal bulan ini, dinamakan sebagai 50 Tokoh Dunia Paling Berpengaruh 2019 oleh portal antarabangsa, *Fortune.com*.

Ketiga-tiga penerbitan itu menggambarkan Dr Mahathir, 93, sebagai insan luar biasa kerana berjaya menerajui gabungan parti pembangkang, Pakatan Harapan (PH) untuk memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada Mei tahun lalu, sekali gus dilantik semula sebagai Perdana Menteri.

Selaku Perdana Menteri tertua dunia, ramai mengenali Dr Mahathir sebagai pemimpin berani dan lantang bersuara, tegas dalam membuat keputusan, amanah dalam berkhidmat serta berdisiplin tinggi, terutama dari segi ketepatan waktu.

Dengan penampilan sederhana dan tenang, Dr Mahathir amat disegani ramai dan dipandang tinggi sebagai pemimpin berwibawa yang mempunyai daya pemikiran tajam serta sentiasa melontarkan teguran bernas.

Antaranya ketika berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Ke-73 di New York pada 29 September lalu, Dr Mahathir lantang mengulangi desakan supaya pembaharuan dilaksanakan dalam badan dunia itu, termasuk syor kuasa veto dimiliki sekurang-kurangnya dua kuasa besar dengan disokong oleh tiga anggota bukan tetap Majlis Keselamatan PBB.

Beliau turut menarik perhatian pelbagai organisasi dunia apabila berani menempelak Kerajaan Myanmar berikutan pembunuhan beramai-ramai etnik Rohingya di Rakhine selain mencadangkan dunia mengiktiraf Palestin dan pada masa sama, menghentikan tindakan Israel daripada mencabuli undang-undang antarabangsa.

Anugerah tertinggi Jepun

Pada Oktober lalu, Maharaja Akihito berkenan menyampaikan darjah kebesaran *The Grand Cordon of the Order of the Paulownia Flowers* kepada Dr Mahathir iaitu penganugerahan darjah kebesaran tertinggi Jepun berikutan sumbangan besar Perdana Menteri dalam memperkukuhkan hubungan dua hala Malaysia dan Jepun.


Pensyarah Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Syed Agil Alsagoff, berkata Dr Mahathir diiktiraf pemimpin berwibawa berikutan idea dan pemikirannya mendapat pujian pemimpin dunia sejak sekian lama.

Beliau berkata, Perdana Menteri yang pernah menjadi Pengerusi Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), antaranya banyak mengatur

strategi penyatuan negara Arab daripada terus dibelenggu pengaruh Amerika Syarikat dan Israel.

Katanya, kelantangan Dr Mahathir menentang pencerobohan Israel di bumi Palestin dan pencerobohan Amerika Syarikat di bumi Iraq pada waktu itu, memberi dorongan dan semangat kepada negara Arab untuk menyokong kepemimpinan beliau dan mengiktiraf sebagai pemimpin dunia disegani.

“Kejayaan Dr Mahathir merubah Malaysia dari sebuah negara dunia



Dr Mahathir juga dianggap negarawan Islam yang berjaya merubah persepsi masyarakat terhadap kepemimpinan beliau dan Malaysia berikutan kelantangan mengkritik dasar Myanmar terhadap pelarian Rohingya, pencerobohan Israel di Palestin serta krisis di Syria”

Syed Agil Alsagoff,

Pensyarah Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

ketiga menjadi negara membangun menarik minat negara Asia Barat untuk mencontohi kepemimpinan politik beliau. Malah, negara Asia Timur juga menjadikan beliau contoh dalam memperkasa politik dan ekonomi negara terbabit,” katanya.

Syed Agil berkata, Dr Mahathir juga dianggap negarawan Islam yang berjaya merubah persepsi masyarakat terhadap kepemimpinan beliau dan Malaysia berikutan kelantangan Malaysia mengkritik dasar Myanmar terhadap pelarian Rohingya, pencerobohan Israel di Palestin serta krisis di Syria.

Dalam pada itu, Dr Mahathir dikenang dan diingati sebagai pemimpin Malaysia yang banyak menyalurkan bantuan kepada Bosnia dan Herzegovina ketika negara itu dilanda peperangan pada 1990-an selain terus memberi sumbangan dalam membangunkan semula negara Balkan berkenaan.

Kejayaan beliau menyatukan negara membangun dan negara dunia ketiga menerusi majlis perundingan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) serta mencetus penyatuan kerjasama negara dunia ketiga dan negara Islam menerusi OIC membuatkan beliau diangkat sebagai pemimpin dunia disegani.

Bencikan kekejaman

Profesor Politik dan Perhubungan Antarabangsa, Sekolah Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Azizuddin Mohd Sani, berkata Dr Mahathir konsisten memperjuangkan isu dunia, termasuk yang membabitkan penduduk Palestin, Rohingya dan negara membangun atau mundur yang lain.

Sebagai insan yang bencikan kekejaman, katanya, Dr Mahathir pernah menubuhkan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur bagi ‘membicarakan’ pemimpin negara yang terbabit dengan jenayah pe-

rang di Iraq pada 2003 yang menyebabkan 1.4 juta orang awam terkorban.

Syed Agil berkata, negara lain menjadikan Malaysia contoh berikutan keupayaan melaksanakan transformasi politik di bawah kepemimpinan seorang bekas Perdana Menteri yang dilantik buat kali kedua menyandang jawatan tertinggi kerajaan itu.

“Dr Mahathir dianggap pencetus reformasi dan transformasi pentadbiran negara sejak kali pertama menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun,” katanya.

Ketika kepemimpinannya sebagai Perdana Menteri keempat dari 1981 hingga 2003, Malaysia mengalami transformasi cemerlang khususnya dalam pembangunan dan sosioekonomi serta memacu kejayaan negara menjadi kuasa ekonomi serantau selain berjaya memimpin negara mendepani beberapa krisis kewangan dunia.

Syed Agil berpendapat, kesungguhan idea dan pemikiran Dr Mahathir dari segi pembangunan negara dan ekonomi khususnya semasa membebaskan Malaysia daripada terjerumus dalam krisis ekonomi sekitar 1997 hingga 1998 dengan memperkenalkan pengantungan ringgit di pasaran antarabangsa, menarik perhatian banyak negara sehingga mendapatkan nasihat beliau.

Azizuddin pula berkata, Dr Mahathir dipilih semula menerajui kerajaan kerana rakyat mahu Malaysia kembali menjadi negara makmur.

“Pengalaman beliau masih ditagih, rakyat Malaysia menghormatinya sebagai negarawan ulung negara. Selain romantisme, rakyat Malaysia yang pernah melihat kemakmuran ekonomi dibawahnya pada dekad 1990-an yakin beliau mampu kembalikan kemakmuran ekonomi kepada negara,” katanya.

BERNAMA